

Headline **Isu air bukan baru**  
Date **24 Apr 2011**  
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **U4**  
Article Size **229 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,260**  
PRValue **3,779**



# 'Isu air bukan baru'

## Turut belenggu rakyat di beberapa kawasan

**ROSNANI SAAD**

**ALOR SETAR** - Isu kekurangan air di Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, bukanlah isu baru sebaliknya turut membelenggu rakyat di beberapa kawasan sejak sekian lama.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah berkata, dalam beberapa mesyuarat UMNO cawangan yang diadakan baru-baru ini, terdapat pelbagai perkara yang dibangkitkan dan salah satu daripadanya ialah masalah bekalan air.

Menurutnya, keadaan itu jelas menunjukkan bahawa masalah air tidak hanya terjadi di UUM sebaliknya di seluruh Kedah sejak dahulu lagi, khususnya di kawasan Baling, Sik, Pendang dan Padang Terap.

"Masih tiada perubahan dilakukan sehingga kini,

Headline **Isu air bukan baru**  
Date **24 Apr 2011**  
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **U4**  
Article Size **229 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,260**  
PRValue **3,779**

jika penduduk sebelum ini menggunakan air telaga, kini pun mereka masih guna air telaga, begitu juga jika paip hanya mengeluarkan angin," katanya pada Majlis Amal Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM) cawangan Kedah, semalam.

Ahmad Bashah berkata, sudah tiga tahun Kerajaan Negeri ditadbir Pas dan seharusnya ada perubahan dari segi kualiti perkhidmatan.

"Bil air sudah dinaikkan tahun lalu dan rakyat mula bayar ikut harga baru namun sehingga kini tiada perubahan dari segi kualiti bekalan air sedangkan sepatutnya sudah ada perubahan yang lebih baik," katanya.

Menurutnya, sebagai kerajaan mereka bertanggungjawab. Ia bukan tugas mudah, namun me-

reka perlu beri perhatian dan selesaikan masalah rakyat.

"Dalam sidang Dewan Undangan Negeri pun wakil rakyat kawasan terbabit bangkitkan perkara ini.

"Sampai bila rakyat perlu tanggung masalah ini, Kerajaan Negeri perlu ada perancangan atau sekurang-kurangnya maklumkan rakyat mengenai perancangannya," katanya.



Ahmad Bashah (kiri) menghulurkan sumbangan RM3,000 kepada tabung Nasom menerusi Presidennya, Dr Azreen Redzal Anuar dalam satu majlis yang turut dihadiri 30 pelajar.